# PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tiada akan berlakunya Kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan". - (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 125 | 18 OKTOBER 2023 / 1445 ربيع الأخير 3 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN-GCC



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC) yang akan berlangsung di Arab Saudi pada 20 Oktober 2023. - Foto : Jabatan Penerangan.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC) yang akan berlangsung di Arab Saudi pada 20 Oktober 2023.

**>> Muka 3**

# Bangunkan idea baharu dalam bidang agroteknologi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 17 Oktober. - Golongan muda merupakan modal insan pemacu ekonomi negara hendaklah berfikiran inovatif dan sentiasa mencari kaedah dan berfikiran *out of the box* untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih kreatif dan berinovasi sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli yang hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pertandingan Produk Inovasi 2023 berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Menurut Dr. Haji Mohd. Zamri yang juga selaku Pengerusi Festival Antarabangsa Agroteknologi 2023, cetusan idea yang kreatif dan inovatif bukan sahaja dapat melonjakkan pencapaian sesebuah negara ke tahap yang lebih cemerlang malah ia membolehkan negara supaya terus kekal berdaya saing dan relevan di samping menyumbang kepada pembangunan negara.

Terdahulu, Dr. Haji Mohd. Zamri menjelaskan bahawa Pertandingan Produk Inovasi 2023 itu bertujuan untuk memberikan platform kepada para pelajar dan penyelidik untuk mencipta produk inovatif yang mampu memberikan impak dan faedah kepada masyarakat dan industri makanan tempatan serta agroteknologi di samping membuka peluang kepada para pelajar dan penyelidik untuk membangunkan idea-idea baharu di dalam bidang agroteknologi dan keusahawanan mengikut era globalisasi.

**>> Muka 8**

# Penandatanganan Skim Perantisan SHENA bersama 10 pengendali

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 17 Oktober. - Sebagai satu usaha yang berterusan dalam meningkatkan lagi piawaian kebangsaan prestasi keselamatan dan kesihatan, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) bekerjasama dengan 10 pengendali yang mengambil bahagian dalam penempatan Industri Skim Perantisan SHENA.

**>> Muka 4**

# Buku Tarsilah Brunei Jilid IV beri peluang dalami sejarah Kesultanan Brunei

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Oktober. - Buku Tarsilah Brunei : Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV akan dilancarkan semasa Majlis Pelancaran pada Khamis, 4 Rabiulakhir 1445 Hijrah bersamaan 19 Oktober 2023 Masihi, pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa Sidang Media Majlis Pelancaran Buku Tarsilah Brunei : Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV bertempat di Bilik Mesyuarah, PSB, di sini.

**>> Muka 7**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


# Berita Utama



**MOHON perlindungan, kesejahteraan anggota misi pengaman UNIFIL**

Muka 4



**DOA Kesyukuran sempena Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri**

Muka 6



**54 pain darah berjaya dikumpulkan**

Muka 11




**KETENGAHKAN warisan permainan tradisi, jangan biar ia pupus**

Muka 20

# Kepimpinan berkesan penting untuk menempuh cabaran



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ucaptama pada Leadership Forum 2023 yang berlangsung di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Selasa, 3 Oktober 2023.**

**Terjemahan oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

**SATU** penghormatan bagi saya untuk berada di sini menyampaikan ucapan di Forum Kepimpinan ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Brunei Institute of Leadership in Islamic Finance (BILIF) dan rakan kongsi acara mereka, Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA) di atas peluang ini, untuk berkongsi pandangan dan idea saya dengan awda semua pada hari ini.

Kepimpinan merupakan satu topik yang amat penting, yang mempunyai kesan mendalam terhadap organisasi, komuniti dan masyarakat. Dalam dunia yang pesat berkembang hari ini, kepimpinan yang berkesan adalah penting untuk menempuh cabaran dan peluang-peluang yang timbul.

Saya percaya bahawa kepimpinan tidak terbatas kepada sesuatu gelaran atau jawatan sahaja; ia adalah kualiti yang boleh diusahakan dan diamalkan oleh individu di semua peringkat sesebuah organisasi. Kepimpinan adalah tentang memberi inspirasi kepada orang lain, memupuk kerjasama dan mencapai matlamat bersama. Ia adalah mengenai visi dan membimbing orang lain ke arah merealisasikannya.

Dalam kita melibatkan diri dalam perbincangan yang bermakna dan bertukar-tukar fikiran yang berharga dalam forum ini, perlulah diingat bahawa kepimpinan bukan mengenai individu tetapi adalah usaha bersama. Ia adalah tentang memanfaatkan kecerdasan kolektif, kreativiti, dan potensi kumpulan untuk memacu perubahan positif.

Negara Brunei Darussalam (NBD) terkenal dengan dedikasi yang teguh untuk maju, berpandukan kebijaksanaan dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kepimpinan baginda menjadi contoh kestabilan, kemajuan dan usaha mencapai kecemerlangan.

Dalam dunia di mana kepimpinan sentiasa berubah dan menghadapi cabaran-cabaran baharu, adalah penting bagi negara-negara dan organisasi-organisasi untuk terus berusaha ke arah pembangunan kepimpinan peringkat seterusnya. Pembangunan kepimpinan seterusnya adalah menerima pakai inovasi, keupayaan menyesuaikan diri, dan strategi pemikiran ke hadapan untuk menangani isu-isu rumit semasa kita.

Dalam kita membincangkan kepimpinan peringkat seterusnya, marilah kita mengambil inspirasi daripada kepimpinan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kemajuan yang telah dicapai oleh NBD di bawah bimbingan baginda. Marilah kita mengiktiraf kepentingan untuk melatih generasi pemimpin akan datang yang akan membawa obor kemajuan dan pembangunan.

Mengejar sasaran bercita-cita tinggi yang dinyatakan dalam Wawasan Brunei 2035 memerlukan pendekatan pemikiran yang berpandangan jauh dan boleh disesuaikan untuk kepimpinan. Dalam menghadapi ketidakpastian dan cabaran, penting bagi para pemimpin untuk bersedia, mengamalkan gaya kepimpinan yang berbeza dan menyesuaikan cara pemikiran mereka bagi mencapai matlamat kolektif dengan berkesan.

Keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah dan bersikap fleksibel dalam pendekatan merupakan ciri kepimpinan yang berkesan. Dalam dunia yang pesat berkembang, para pemimpin mesti terbuka kepada idea-idea baharu, teknologi, dan cara-cara untuk melakukan sesuatu. Menerima perubahan dan bersedia untuk berubah apabila perlu adalah penting untuk kekal di landasan ke arah Wawasan Brunei 2035.

Kepimpinan yang berkesan sering melibatkan kolaborasi dan kerjasama. Pemimpin harus bersedia bekerjasama, bukan sahaja dalam pertubuhan atau sektor mereka sendiri, malah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerjasama membawa kepada penyelesaian inovatif dan perkongsian sumber yang memberi manfaat kepada semua orang.

Sebagai pemimpin, kita perlu yakin bahawa sikap bertolak ansur boleh menjadi cara terbaik dalam mencapai matlamat yang sama. Ia mungkin memerlukan keserasian dan menerima sesuatu untuk mendapatkan hasil yang lebih baik. Kompromi tidak bermakna mengorbankan prinsip-prinsip tetapi sebaliknya mencari jalan untuk mengimbangi kepentingan bersaing.

Memastikan semua segmen masyarakat diwakili dan dipeduli adalah penting dalam kepimpinan yang berkesan. Pendekatan inklusif memupuk kepelbagaian pemikiran dan perspektif, yang boleh membawa kepada penyelesaian yang lebih menyeluruh dan serba lengkap.

Para pemimpin mesti komited terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Ini termasuk sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan terkini dalam bidang masing-masing, serta mencari peluang bagi pertumbuhan peribadi dan profesional. Kesediaan untuk belajar dan menyesuaikan diri adalah kunci untuk kekal relevan dan efektif.

>> Muka 11

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | RABU | 3 | 4.38 | 4.48 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.15 |
| 19 | KHAMIS | 4 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 20 | JUMAAT | 5 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 21 | SABTU | 6 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 22 | AHAD | 7 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.15 |
| 23 | ISNIN | 8 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 24 | SELASA | 9 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 25 °C |
| Kuala Belait | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 18 OKTOBER 2023

# Peduli kesihatan mental

**KESIHATAN** mental adakalanya dianggap remeh oleh sesetengah masyarakat malah terdapat stigma masyarakat sekeliling yang menganggap ia berkaitan dengan penyakit tidak siuman. Stigma begitu sebenarnya akan memburukkan lagi keadaan individu jika masalahnya gagal ditangani dengan segera.

Kesihatan mental sama penting dengan kesihatan fizikal kerana ia membabitkan aspek kesejahteraan tingkah laku, emosi dan spiritual dalam diri individu yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup dan hubungan seseorang dengan orang lain.

Saban hari ramai mula menyedari kesihatan mental penting untuk mewujudkan individu yang sejahtera dalam keluarga dan masyarakat sekali gus menjadi warga yang sihat serta produktif kepada negara.

Kesihatan Mental adalah penting kepada semua orang. Ia adalah sebahagian daripada kesihatan dan kesejahteraan kita, sepertimana yang dijelaskan dalam Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu 'Kesihatan ialah keadaan fizikal, kesejahteraan mental dan sosial yang lengkap dan bukan semata-mata ketiadaan penyakit atau kekurangan upaya'.

Bukan itu sahaja, kesihatan mental yang baik membolehkan seseorang itu merealisasikan potensi diri mereka, mengatasi tekanan hidup, bekerja secara produktif, dan menyumbang kepada masyarakat mereka. Tidak dapat dinafikan, kesihatan mental itu adalah penting.

Sebagaimana yang pernah ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar ketika melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 yang lalu, kesihatan mental, seperti aspek kesihatan yang lain boleh terjejas dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosioekonomi, termasuk kemiskinan, kekurangan perlindungan sosial, taraf kehidupan yang rendah, persekitaran kerja yang tidak sihat, akses pada pendidikan serta penjagaan kesihatan berkualiti dan sokongan komuniti yang terhad, keadaan kesihatan kronik, penggunaan alkohol serta dadah dan keganasan dalam konflik, bencana alam serta situasi penderaan.

Disebabkan itu, kesemua faktor tersebut perlu diberikan perhatian dan ditangani melalui strategi yang komprehensif, termasuk promosi, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan pendekatan Whole of Nation.

Justeru, masyarakat perlulah sedar dan peka terhadap aspek kesihatan mental diri, keluarga, jiran tetangga serta masyarakat setempat agar kita semua dapat hidup dengan harmoni dan tenteram.

Setiap daripada kita perlu bijak menyalurkan segala tekanan dan apa jua permasalahan yang dihadapi pada tempat dan cara yang betul. Terdapat pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi membantu individu yang sedang bergelut dengan emosi dan tekanan kehidupan yang menyesakkan.

Kita harus bijak mengambil ruang dan peluang ini untuk menyelesaikan permasalahan yang dialami. Ingatlah, pepatah Melayu ada mengatakan 'ikut hati mati, ikut rasa binasa'. Janganlah diikut rasa hati yang resah dan gundah-gulana kerana kelak badan sendiri yang binasa. **- Ketua Penyuntingan (Zk)**

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN-GCC

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Sidang Kemuncak ASEAN–GCC akan dipengerusikan bersama oleh Republik Indonesia, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, dengan Kerajaan Arab Saudi.

Ia akan menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan GCC buat pertama kalinya sejak penubuhan hubungan ASEAN-GCC secara rasmi pada tahun 1990.

ASEAN-GCC Joint Vision diluluskan semasa mesyuarat ASEAN-GCC di peringkat menteri yang pertama pada bulan Jun 2009 di Manama, Kingdom of Bahrain, untuk meneroka bidang-bidang kerjasama di antara kedua-dua belah pihak.

Berikutan mesyuarat berkenaan, ASEAN-GCC Two-Year Action Plan (2010-2012) dipersetujui untuk melaksanakan kerjasama di antara ASEAN dan GCC yang merangkumi pelbagai bidang, iaitu perdagangan; kerjasama dan pembangunan ekonomi; serta kebudayaan; Pendidikan; dan penerangan.

Sidang Kemuncak berkenaan antara lainnya akan membincangkan usaha-usaha bagi mengukuhkan lagi hubungan ASEAN-GCC serta memperkembangluaskan kerjasama termasuk dalam isu-isu yang berkepentingan bersama seperti ekonomi digital dan perubahan iklim.

# SKUAD KEBANGSAAN AKUR



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan perlawanan Pusingan Kedua Kelayakan Piala Dunia 2026 dan Piala Persatuan Bola Sepak Asia (AFC) 2027 Arab Saudi. Turut berangkat, adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS,** Selasa, 17 Oktober. - Harapan skuad Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menebus kekalahan di tangan pasukan Indonesia tidak menjadi kenyataan apabila pasukan Garuda tersebut menunjukkan gading berbisa dengan membenam skuad negara berkesudahan 0-6.

Berkenan menyaksikan perlawanan Pusingan Kedua Kelayakan Piala Dunia 2026 dan Piala Persatuan Bola Sepak Asia (AFC) 2027 Arab Saudi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta kerabat diraja di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Pasukan pelawat berpesta gol bermula pada awal minit ke-6 permainan menerusi tendangan Hokky Caraka Brilliant yang juga menghadiahkan gol keduanya pada minit 44.

Sebelum tamat separuh masa pertama, pasukan Garuda berjaya membolos gawang pasukan kebangsaan kita menerusi sepakan Egy Maulana Vikri pada minit ke-42 meskipun penjaga gol, Muhammad Haimie Nyaring cuba untuk mempertahankannya namun gagal.

Babak kedua pula menyaksikan pemain kebangsaan negara kita cuba untuk bermain dengan mengatur strategi namun pasukan Indonesia banyak mendominasi permainan dengan percubaan untuk mengasak kubu pertahanan pasukan kita.

Berikutan Witan Sulaeman dijatuhkan, pengadil memberikan pemain jersi 4 itu bagi tendangan penalti dan berjaya membolosi pada minit ke-47 bagi kutipan gol keempat pasukan pelawat.

Corak permainan anak buah Mario Rivera Campesino seakan mudah dibaca pasukan pelawat sehingga pemain, Rizky Ridho Ramadhani pada minit ke-63 berjaya menyumbat gol kelima mereka.

Pasukan Garuda tidak mahu mengalah malah terus menentang dan berjaya menambah gol keenam menerusi rembatan Ramadhan Sananta pada minit ke-82.

Keputusan 0-6 kekal sehingga pengadil menamatkan permainan dan kesudahan jaringan yang sama itu juga hasil perlawanan skuad bola sepak kebangsaan kita semasa menentang pasukan Garuda di Indonesia pada 12 Oktober yang lalu. Justeru, atas kemenangan kedua-dua pusingan ini memberikan agregat 0-12 kepada Indonesia.



**TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**





**DETIK- detik mencemaskan semasa perlawanan antara skuad Negara Brunei Darussalam dengan pasukan Indonesia (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, para penonton yang hadir menyaksikan dan memeriahkan lagi suasana di stadium berkenaan.**

# PENANDATANGANAN SKIM PERANTISAN SHENA BERSAMA 10 PENGENDALI




**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**>> Muka 1**

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Skim Perantisan SHENA diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang tadi.

Hadir ke majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku tetamu kehormat.

Majlis juga dihadiri oleh Ketua Sekretariat Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pemangku Ketua Eksekutif Sementara SHENA, Awang Haji Junit bin Haji Zakaria ketika berucap pada majlis berkenaan menyatakan, skim berkenaan adalah salah satu langkah dalam membangun dan mengukuhkan budaya keselamatan dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam dan juga mempertingkatkan prestasi keselamatan keseluruhannya.

Kejayaan Skim Perantis SHENA berkenaan katanya, bukan sahaja bergantung pada peluang yang diberikan kepada bakat muda tetapi juga pada semangat kerjasama yang menyokongnya.

Perkongsian bersama pengendali tambahnya lagi, menunjukkan kuasa kerjasama yang positif dan mewujudkan laluan untuk para perantis berkenaan memperoleh pengalaman praktikal dan kemahiran khusus industri yang tidak ternilai.

Pada majlis berkenaan, 10 pengendali yang menandatangani Skim Perantisan SHENA ialah Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD); Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.; Brunei LNG Sdn. Bhd.; TotalEnergies EP (Brunei) B.V.; Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd.; Muara Maritime Services Sdn. Bhd.; Berakas Power Company Sdn. Bhd.; Unified National Networks (UNN) Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd. yang menunjukkan sokongan teguh mereka untuk meningkatkan taraf keselamatan perindustrian.

Skim Perantisan SHENA berkenaan adalah dirangka untuk memupuk para pegawai keselamatan dan kesihatan tempat kerja (WSH) berperingkat teratas di Negara Brunei Darussalam.

Dengan perasmian pengambilan pertama selama 12 bulan yang lalu, para perantis i-Ready berkenaan ditempatkan di pelbagai fungsi SHENA.

Untuk 12 bulan seterusnya, mereka akan menyambung penempatan mereka dengan para pengendali industri bagi memastikan mereka mendapat perkembangan yang pantas dan meraih pengalaman *hands-on* di dunia sebenar.



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir pada Majlis Penandatanganan Skim Perantisan SHENA yang diadakan di Dewan Bankuet, JPM (atas dan kiri).**



**PEMANGKU Ketua Eksekutif Sementara SHENA, Awang Haji Junit bin Haji Zakaria ketika berucap.**

# Mohon perlindungan, kesejahteraan anggota misi pengaman UNIFIL



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) hadir pada Majlis Doa Selamat bagi pemergian Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama Malaysian Batalion 850-11 (MALBATT 850-11) bagi misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**BERAKAS**, Selasa, 17 Oktober. - Majlis Doa Selamat bagi pemergian Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama Malaysian Batalion 850-11 (MALBATT 850-11) bagi misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) diadakan petang tadi di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.

Juga hadir, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pengarah-pengarah, komandan-komandan, Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD, para pegawai kanan tentera dan awam, serta para pegawai dan anggota dari Kementerian Pertahanan.

Majlis berkenaan bertujuan untuk memohon perlindungan dan kesejahteraan serta kelancaran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kontinjen ABDB MALBATT 850-11 di sepanjang perlaksanaan misi UNIFIL.

Kontinjen yang diketuai oleh Mejar Mohammad Hafizi bin Sabli itu dianggotai oleh 30 anggota yang terdiri daripada tiga pegawai dan 27 orang lain-lain peringkat dan akan melaksanakan misi selama 12 bulan.

# PENYERAHAN BENDERA BAGI MISI UNIFIL





PEMERINTAH TDDB semasa menyerahkan Bendera NBD kepada kepada Mejar Mohammad Hafizi bin Sabli, Ketua Kontinjen NBD bagi MALBATT 850-11.

**PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) semasa hadir pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan menyertai Batalion Malaysia 850-11 (MALBATT 850-11) (atas dan bawah kanan).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BOLKIAH GARISON,** Isnin, 16 Oktober. - Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan menyertai Batalion Malaysia 850-11 (MALBATT 850-11) dalam penugasan misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan (UNIFIL) berlangsung petang tadi di Bolkiah Garison.

Hadir pada upacara tersebut ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.

Turut hadir ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Pengarah-pengarah; Komandan-komandan; Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD; pegawai-pegawai kanan tentera dan awam; serta pegawai-pegawai dan anggota dari Kementerian Pertahanan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Kapten Abdul Mu'iz Azizi bin Zulkifli dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Upacara Penyerahan Bendera kemudiannya disampaikan oleh Pemerintah TDDB kepada Mejar Mohammad Hafizi bin Sabli, Ketua Kontinjen NBD bagi MALBATT 850-11.

Upacara diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

ABDB telah turut serta dalam misi pengaman UNIFIL sejak tahun 2008 untuk menyelaraskan dan mempertahankan kepentingan NBD dalam mengekalkan tiga tonggak utama PBB; Keamanan dan Keselamatan, Hak Asasi Manusia dan Pembangunan.

ABDB tetap komited untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan rantau dan antarabangsa, sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah keamanan dan kestabilan global.



## Tip KESIHATAN



# Pasang pelindung skrin untuk mata sentiasa sihat

**TELEFON** pintar telah menjadi alat yang wajib untuk semua orang. Cuba pandang sekeliling, telefon pintar ada di mana-mana. Malah, kanak-kanak yang masih di sekolah rendah juga mempunyai telefon sendiri untuk memudahkan komunikasi.

Kebanyakan orang dewasa menghabiskan masa berjam-jam di hadapan skrin telefon pintar. Itu tidak termasuk lagi dengan skrin komputer dan skrin televisyen yang kita pandang ketika bekerja dan semasa berehat. Semua alat elektronik ini memancarkan cahaya biru yang dikatakan tidak baik untuk kesihatan mata, lebih-lebih lagi dalam jangka masa yang panjang.

**Menjaga mata daripada sinaran cahaya biru**

Cahaya biru merupakan sejenis cahaya yang boleh dilihat dengan mata kasar. Jarak gelombangnya yang berada dalam sekitar 380 hingga 500 nanometer merupakan antara yang terpendek dengan tenaga yang paling banyak. Salah satu sumber cahaya biru yang terbesar ialah matahari yang berada di atas kepala kita.

Walau bagaimanapun, disebabkan teknologi yang semakin berkembang, cahaya biru kini berada di mana-mana dan dipancarkan oleh kebanyakan lampu dan juga alat elektronik.

Cahaya biru turut mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Sebagai contoh, ia boleh membuatkan kita lebih fokus, membantu menguatkan memori dan juga membuatkan *mood* kita lebih baik.

Sinaran matahari juga mempunyai fungsi yang penting dalam perkembangan, penglihatan dan kesihatan mata kanak-kanak. Jika kanak-kanak tidak mendapat pendedahan yang cukup terhadap cahaya biru, mereka lebih berisiko untuk menghidap *miopia* atau rabun jauh.

Tetapi, jika awda terdedah terlalu lama kepada cahaya biru, kesihatan mata akan terjejas. Sel retina boleh rosak dan masalah penglihatan seperti degenerasi makula akan berlaku.

Oleh sebab itu, tidak rugi jika awda memasang pelindung skrin yang mampu melindungi awda daripada cahaya biru. Malah, mereka yang memakai kaca mata juga boleh memasang lapisan pelindung khas untuk menjaga mata mereka daripada cahaya ini.

**Adakah cahaya biru tidak baik untuk kesihatan mata?**

Menurut Penolong Profesor dari University of Todedo, Dr. Ajith Karunarathne kemampuan cahaya biru untuk merosakkan mata bukanlah sesuatu yang baharu.

Kajian yang dilakukan oleh beliau menunjukkan bahawa pendedahan terhadap cahaya biru boleh mematikan sejenis sel yang dikenali dengan nama sel fotoreseptor yang terdapat pada mata kita.

Malah, kematian sel fotoreseptor jugalah yang menjadi penyebab kepada degenerasi macula, sejenis penyakit yang boleh menyebabkan seseorang kehilangan deria penglihatan ketika menginjak umur 50 hingga 60 tahun.

Walau bagaimanapun, menurut beliau lagi, jumlah cahaya biru yang dipancarkan oleh telefon bimbit dan juga peralatan di sekeliling kita dikira masih rendah dan tidak cukup untuk menyebabkan sebarang kecacatan kekal pada mata.

Tetapi, masa penggunaan telefon bimbit yang semakin panjang mungkin akan meningkatkan risiko awda untuk menghidap masalah mata pada masa hadapan.

Oleh sebab itu, beliau menasihati semua orang agar menjaga kesihatan mata masing-masing. Jika cuaca panas terik, pakai cermin mata hitam untuk melindungi mata daripada cahaya matahari. Elakkan juga menggunakan telefon bimbit untuk satu jangka masa yang panjang, lebih-lebih lagi di dalam gelap.

**Kesimpulan**

Penggunaan pelindung skrin amat bermanfaat untuk melindungi skrin telefon pintar awda daripada rosak dan juga melindungi mata daripada sinaran cahaya biru. Malah, pelindung skrin juga boleh mengurangkan silau pada telefon bimbit awda. Ini membuatkan mata awda lebih relaks dan tidak mudah letih.

# DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin





ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar atas kiri, antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

**RIMBA,** Isnin, 16 Oktober. - Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba, pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Majlis Kesyukuran berkenaan diadakan dengan tujuan untuk memohon doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sentiasa sihat walafiat dan dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu sebagai tanda kasih dan syukur bersempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat 2, Tenaga Pembimbing Masjid RIPAHS, Dayang Siti Dzuhairah binti Awang Haji Damit.

Acara kemudiannya disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran bagi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha oleh Pegawai Ugama Kanan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Sementara itu, Doa Pelihara Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Pegawai Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Acara berkenaan juga dihasratkan untuk menggalakkan dan menambah keramaian ahli kumpulan Muslimah agar cenderung ke masjid sekali gus mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli Kelas Bimbingan Muslimah.

## Pilih, undi calon Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) sukacita ingin memaklumkan kepada para penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri akan diadakan pada Jumaat, 17 November 2023 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Taman Riadah Bukit Mengkubau, Mukim Mentiri.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri akan menggunakan dua kaedah, iaitu secara kertas undi (*ballot papers*) pada 17 November 2023; dan undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK mulai pada 15 hingga 17 November 2023.

Oleh yang demikian, kepada para penduduk Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan Borang Daftar Pengundi melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum Jumaat, 17 November 2023.

Manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK sebelum Selasa, 14 November 2023 jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan menjemput Kampung Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri untuk hadir mengundi pada majlis berkenaan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.




## Tangani isu dihadapi dunia kontemporari

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Oktober. - Penolong Mufti ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah pagi tadi bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir sebagai wakil Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, sebagai ahli peserta pada Persidangan Antarabangsa Ke-8.

Persidangan tersebut membawakan tema 'The Fatwa and Challenges of the Third Millenium'.

Turut mengiringi beliau ialah Pegawai Istinbat Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud.

Persidangan Antarabangsa Ke-8 berkenaan dijadualkan berlangsung selama dua hari bermula pada 18 sehingga 19 Oktober 2023, bertempat di Al-Masah Hotel, Kaherah, Republik Arab Mesir.

Persidangan berkenaan adalah anjuran Sekretariat Am Penguatkuasa Fatwa di Seluruh Dunia, Republik Arab Mesir.

Tujuan penganjuran persidangan berkenaan diadakan adalah untuk menggariskan betapa pentingnya peranan institusi-institusi fatwa dan pihak berkuasa dalam menangani isu-isu yang dihadapi dunia kontemporari kita, dan seterusnya menubuhkan rangka kerja yang sesuai untuk menghadapi cabaran berkenaan.

Dalam pada masa yang sama, matlamat untuk mencapai keadilan, kebenaran, keselamatan, keamanan, dan kemakmuran untuk sesama manusia boleh dicapai.



PENOLONG Mufti ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir sebagai wakil kepada Yang Berhormat Mufti Kerajaan sebagai ahli peserta pada Persidangan Antarabangsa Ke-8 dengan tema 'The Fatwa and Challenges of the Third Millenium'. Turut mengiringi beliau ialah Pegawai Istinbat Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud.

# BUKU TARSILAH BRUNEI JILID IV BERI PELUANG DALAMI SEJARAH KESULTANAN BRUNEI



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa mengongsikan kepada para media mengenai Majlis Pelancaran Buku Tarsilah Brunei: Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV pada Sidang Media yang berlangsung di Bilik Mesyuarah, PSB.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**>> Muka 1**

Menurut Pengetua PSB, buku tersebut merupakan satu kesinambungan hasil karya penulisan mantan Pengetua PSB, Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Sebelum ini jelasnya, ada tiga buah buku yang telah dihasilkan oleh Allahyarham Pehin iaitu kesinambungan Buku Tarsilah Brunei, Jilid I (1990), Jilid II (1997) dan Jilid III (2019) dan buku Jilid IV tersebut merupakan buku terakhir Allahyarham Pehin.

Dalam jilid terakhir ini tambahnya, ada meriwayatkan sejarah empat Sultan Brunei iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei Ke-23; Sultan Abdul Momin, Sultan Brunei Ke-24; Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, Sultan Brunei Ke-25; dan Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II, Sultan Brunei Ke-26.

Usaha ini katanya, merupakan usaha bagi melengkapkan amanah dan tugas mantan PSB yang telah diarah kepada beliau untuk menyusun, menulis dan meng*compile* sejarah Sultan-sultan Brunei daripada awal iaitu Sultan Alak Betatar hingga ke sultan Ke-29.

Buku-buku ini ujarnya lagi, adalah merupakan sejarah yang menunjukkan senario ataupun gambaran kecemerlangan Kesultanan Brunei sebagaimana yang telah dicapai oleh PSB pada 2023 ini, iaitu kecemerlangan dari segi penulisan lengkap sejarah Kesultanan Brunei untuk menjadi rujukan, ristaan dan panduan supaya diketahui oleh generasi-generasi muda agar mereka tidak hilang identiti dan jati diri.

Menurutnya, ini juga adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab dalam menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menggesa dan menitahkan supaya 'Sejarah Islam' adalah merupakan sejarah Kesultanan Brunei itu sendiri sejak tertubuhnya kerajaan Brunei oleh Sultan Brunei yang pertama.

Majlis Pelancaran Buku Tarsilah Brunei : Peralihan Ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828-1924 Masihi), Jilid IV akan dikendalikan oleh Bahagian Penerbitan dan Pemasaran PSB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan tersebut nanti ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Penerbitan Buku Tarsilah Brunei, Jilid IV ini merupakan salah satu aktiviti utama PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei Tahun 2023, di samping sebagai salah satu usaha PSB menambah koleksi bahan rujukan dan bacaan sejarah Brunei terutama mengenai sejarah Kesultanan Brunei dan sejarah susur galur keluarga diraja.

Melalui penerbitan buku itu juga, ia dihasrat dapat menarik minat generasi belia untuk mengetahui dan mempelajari serta mengenang jasa Sultan-sultan Brunei selaku ketua negara yang telah memberikan 'corak' dan 'warna' kepada Negara Brunei Darussalam agar identiti bangsa dan negara akan dapat terus dipelihara dan dipertahankan.

Selain itu, ia juga dihasrat agar dapat menjadi inspirasi kepada generasi pewaris bangsa Brunei untuk meneruskan legasi seorang tokoh sejarawan negara dalam mengakas, membariga dan mendaulatkan sejarah Kesultanan Brunei.



# MINDA PEMBACA

## Menjaga silaturahim sesama jiran tetangga

JIRAN tetangga adalah orang yang tinggal berdekatan dengan kediaman kita sama ada kawasan sekampung, perumahan atau menghuni bangunan pangsapuri yang sama bahkan rakan sekerja di meja sebelah, dalam kata lain, jiran adalah insan paling hampir dengan kita. Silaturahim pula diambil daripada perkataan Arab iaitu hubungan yang terdekat yang membawa maksud memelihara dan menyambung hubungan dengan kaum kerabat yang terdekat.

Dalam konteks menjaga hubungan silaturahim sesama jiran, kita janganlah sekali-kali menyakiti hati jiran dan ahli keluarga mereka, sama ada dengan perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhir (Kiamat), hendaknya tidak menyakiti jiran tetangganya*". (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Daripada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita dapat mengetahui betapa Islam sebagai agama yang sangat menitikberatkan hubungan silaturahim dan pertalian sesama manusia, selain menuntut umatnya bercampur gaul dan bermasyarakat. Ini tidak terkecuali dengan jiran yang bukan beragama Islam, membolehkan ia secara tidak langsung sebagai cabang dakwah bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan kemesraan dan tidak gemarkan perpecahan. Mengenal dan mengetahui hal jiran bukanlah bermaksud untuk *Menjaga tepi kain orang* akan tetapi sebagai seorang ahli masyarakat yang bertanggungjawab melatih kita menjadi insan yang peka di samping mengamalkan sikap bertolak ansur bagi menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran.

Kesimpulannya menjaga silaturahim bukan sahaja dituntut malah ditekankan dalam agama Islam berdasarkan Al-Quran dan Hadis. "*Barang siapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan diluaskan rezekinya, hendaklah ia menyambung silaturahim*". (Riwayat Bukhari dan Muslim). Kita sebagai umat Islam harus menjadi contoh berbuat baik kepada jiran tanpa mengira batas agama, bangsa, adat atau budaya demi kebaikan, persaudaraan dan insyaaAllah, dakwah secara halus.

**Nama : Nur Arissa Alisha binti Matrantis**
**No. K/P : 01-054XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Rasulullah Contoh Ikutan Terbaik'.** Tarikh Tutup **: 18 Oktober 2023**
2. **'Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara'.** Tarikh Tutup **: 25 Oktober 2023**
3. **'Kebersihan Amalan Hidup Sihat'.** Tarikh Tutup **: 1 November 2023**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

PELITA BRUNEI

# BANGUNKAN IDEA BAHARU DALAM BIDANG AGROTEKNOLOGI



**KETUA Pegawai Eksekutif / Pengarah Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**>> Muka 1**

Menurutnya lagi, dengan tema pertandingan iaitu 'Memacu Inovasi dan Penyelidikan Ke Arah Kemampanan Agroteknologi', ia bertepatan dengan era sekarang di mana ia dipandu oleh Revolusi Industri 4.0 di mana penerapan serta penggunaan teknologi dalam industri pertanian dan makanan adalah sangat diperlukan dan semakin meningkat.

Beliau menambah, ia adalah bagi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

memajukan dan mewujudkan keberdikarian dalam pembekalan makanan agar dapat meningkatkan pendapatan serta memajukan ekonomi negara.

Seramai 60 peserta menyertai pertandingan tersebut dan sebanyak enam kategori dipertandingkan dalam pertandingan kali ini iaitu agroteknologi, akuakultur, hortikultur, teknologi makanan, teknologi hijau dan bioteknologi.

Pertandingan tersebut merupakan pertandingan produk inovasi pertama yang dianjurkan bersama oleh IBTE dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Malaysia bersempena dengan Festival Antarabangsa Agroteknologi 2023.

Acara juga turut diisikan dengan Sesi Panel Talk yang disampaikan oleh industri jemputan daripada Ideal Multifeed Farm, Eco Agro Farm dan Flavourista Sdn. Bhd. Turut hadir pada majlis tersebut, Pengarah POLISAS, Malaysia, Norehan binti Silek, AAP.





**KETUA Pegawai Eksekutif / Pengarah Pendidikan Teknik, IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pertandingan Produk Inovasi 2023 (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**






# 8 syarikat didenda gagal kemukakan Penyata Cukai Pendapatan

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Oktober. - Dalam tempoh Julai hingga September 2023, sebanyak lapan buah syarikat tempatan diarahkan untuk membayar denda di Mahkamah Majistret kerana tidak mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35), iaitu gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi tiap-tiap Tahun Kewangan.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Hajma Supermarket Sdn. Bhd. dan B.I.P.S Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019.

Manakalan, Maimunah Holdings Sdn. Bhd.; Poh Hua Curtain & Interior Designer & Home Décor Sdn. Bhd. dan Core Asset Management Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2017, 2018 dan 2019.

Sementara Al-Sabiya Sdn. Bhd. dan Bridgefields Ventures Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND2,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2018 dan 2019; dan Encore Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND1,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2019.

Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin mengingatkan bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 perlu menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan.

Jika sabit bersalah kerana gagal menghadapkannya, di samping dikehendaki untuk membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah, syarikat terbabit juga dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan yang tertunggak dan membayar Cukai Pendapatan yang tertunggak serta penalti yang dikenakan, iaitu maksimum 17 peratus daripada jumlah cukai yang tertunggak, jika ada.

# Keadaan cuaca NBD diramalkan aktif

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini berada di dalam tempoh peralihan monsun di mana ini dijangka berterusan sehingga hujung bulan November 2023. Sepanjang tempoh ini, kesan angin tempatan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian kita.

Keadaaan cuaca aktif dijangka berlaku pada beberapa hari yang akan datang disebabkan oleh pertembungan sistem tekanan rendah di rantau kita dengan kesan angin tempatan yang menjadikan keadaan atmosfera lebih lembap dan seterusnya meningkatkan pembentukan awan-awan hujan.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula pada malam ini (17 Oktober 2023) sehingga awal pagi Ahad (22 Oktober 2023), dengan hujan lebat berpetir sekali-sekala menjejaskan kebanyakan kawasan NBD terutama pada waktu petang dan malam.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45kmsj semasa atau dekat hujan lebat berpetir. Di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak pada paras sedikit, di bawah 1.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Risiko pokok tumbang dan tanah susur juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin. Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather,* Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram kami *Brunei Weather.*

# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TERUS DISEMARAKKAN



**PARA jemaah Tadarus Subuh Masjid Kampung Mentiri bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.**

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Mentiri**

**KAMPUNG MENTIRI**, Selasa, 17 Oktober. - Para jemaah Tadarus Subuh Masjid Kampung Mentiri mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Majlis tersebut dihadiri dan disertai oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Masri; Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mentiri, Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Abu Bakar dan Pemangku Ketua Kampung Mentiri, Awang Haji Bujang bin Sabtu.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Penasihat MPK Mentiri, Awang Haji Abdul Ghani diikuti dengan bacaan surah-surah lazim yang bermula daripada Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas diketuai oleh Bilal Masjid Kampung Mentiri, Pengiran Mohammad Alhukman bin Pengiran Haji Sabri.

Seterusnya, bacaan Takhtim dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Mentiri, Awang Haji Sanip bin Haji Nasar dan juga membacakan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan merupakan kesinambungan dalam memeriahkan dan merafakkan lagi Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping melahirkan rasa kesyukuran kepada Ahli Tadarus Subuh di mana telah melengkapkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Ikut serta pada majlis tersebut ialah jemaah Subuh terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Mentiri, MPK dan jemaah Tadarus Subuh Masjid Kampung Mentiri.

# 1 lagi syarikat diberi kebenaran kendali Pakej Umrah

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa satu lagi syarikat pelancongan, iaitu PGGMB Travel Services Sdn. Bhd. diberi kebenaran untuk mengendalikan Perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2023 Masihi.

Dengan kebenaran yang diberikan berkenaan, maka pada masa ini terdapat 21 buah syarikat pelancongan yang diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2023 Masihi.

Syarikat-syarikat pelancongan berkenaan ialah Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Continental Yachting Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; Az Back to Nature Travel and Tours Sdn. Bhd.; Balurih Travel Sdn. Bhd.; El-Abqari Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Baraka Travel Services Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; JB Travel Agencies Sdn. Bhd.; Al-Abraj Travels and Tours Sdn. Bhd.; As Safa Travel and Tours Sdn. Bhd.; Qamaroon Tours Sdn. Bhd.; Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd. dan PGGMB Travel Services Sdn. Bhd.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah, bolehlah berhubung terus dengan syarikat-syarikat berkenaan bagi mendapatkan maklumat lanjut.

**SYARIKAT-SYARIKAT PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA**

JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

| BIL | NAMA SYARIKAT | TEMPOH KEBENARAN | PAKEJ HAJI | PAKEJ UMRAH (VISA UMRAH) | PAKEJ UMRAH (VISA PELANCONG ARAB SAUDI) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DARUSSALAM SERVICES SDN BHD | 3 TAHUN (1443 HIJRAH HINGGA 1445 HIJRAH) | ✓ | ✓ | ✓ |
| 2 | STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 3 | CONTINENTAL YACHTING SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 4 | RAUDAH AL-AMIN SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 5 | DAR EL EHSAN TRAVEL & TOURS SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 6 | AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 7 | TITIAN TRAVEL & TOURS SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 8 | AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 9 | AZ BACK TO NATURE TRAVEL & TOURS SDN BHD | 1 TAHUN (2023 MASIHI) | - | - | ✓ |
| 10 | BALURIH TRAVEL SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 11 | EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 12 | AL-BARAKA TRAVEL SERVICES SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 13 | LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 14 | MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 15 | HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 16 | JB TRAVEL AGENCIES SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 17 | AL ABRAJ TRAVELS & TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 18 | AS SAFA TRAVEL & TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 19 | QAMAROON TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 20 | AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN BHD | | - | - | ✓ |
| 21 | PGGMB TRAVEL SERVICES SDN BHD | | - | - | ✓ |

*(Dikemaskini pada 2 Rabiulakhir 1445H bersamaan 17 Oktober 2023M)*



# Sembahyang Sunat Hajat Dilakukan Pada Waktu-Waktu Terlarang

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SALAH** satu sembahyang sunat yang disyari'atkan dalam Islam ialah sembahyang sunat Hajat. Sembahyang sunat Hajat ialah sembahyang dua rakaat yang didirikan oleh seseorang dengan niat memohon agar hajatnya sama ada yang berkaitan dengan urusan dunia mahupun akhirat tertunai. Sebagai contoh, sembahyang sunat Hajat bagi memohon agar lulus dalam peperiksaan.

Suatu hajat kadang kala datang secara mendadak dan seseorang itu berhasrat untuk melakukan sembahyang sunat Hajat dengan segera. Namun adakah sembahyang sunat Hajat itu boleh dilakukan pada bila-bila masa termasuk pada waktu-waktu yang dilarang mengerjakannya? Irsyad Hukum ini akan menjelaskan mengenai sembahyang sunat Hajat dilakukan pada waktu-waktu terlarang dan yang berkaitan dengannya.

**Waktu Dilarang Sembahyang**

Terdapat lima waktu yang dilarang mengerjakan sembahyang. Tiga daripada waktu tersebut ialah yang berkaitan dengan waktu iaitu:

1. Waktu matahari terbit sehingga matahari naik pada kadar satu galah iaitu kira-kira tujuh hasta pada pandangan mata.
2. Waktu *al-istiwa'* iaitu ketika matahari berada di tengah langit sehingga matahari tergelincir.
3. Waktu warna matahari menjadi kekuning-kuningan sehingga matahari terbenam.

Ketiga-tiga waktu ini ada disebut di dalam hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* daripada 'Uqbah bin 'Amir al-Juhani *Radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

**Maksudnya:** *(Terdapat) tiga waktu yang Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melarang kami mengerjakan sembahyang padanya atau kami mengebumikan mayat padanya (dengan senghaja melambatkan pengebumian sehingga ke waktu-waktu ini), iaitu ketika matahari terbit sehingga meninggi (segalah), ketika unta berdiri (disebabkan kepanasan bumi iaitu ketika matahari berada di tengah langit) sehingga matahari tergelincir dan ketika matahari condong (kekuning-kuningan dan menghampiri) untuk terbenam sehingga ia terbenam.*

(Hadits riwayat Muslim)

Manakala dua daripada waktu yang dilarang padanya mengerjakan sembahyang lagi ialah yang berkaitan dengan perbuatan, iaitu:

1. Selepas seseorang menunaikan sembahyang fardhu Subuh sehingga matahari terbit.
2. Selepas seseorang menunaikan sembahyang fardhu 'Ashar sehingga matahari terbenam.

Kedua-dua waktu ini pula ada disebut dalam hadits daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radhiallahu 'anhu* bahawa dia telah mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Tidak ada sembahyang selepas sembahyang Subuh sehingga matahari meninggi (segalah) dan tidak ada sembahyang selepas sembahyang 'Ashar sehingga matahari terbenam.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hukum melakukan sembahyang pada lima waktu yang disebutkan di atas adalah haram dan tidak sah. Walau bagaimanapun hukum ini terkecuali pada dua perkara iaitu waktu *al-istiwa'* pada hari Jumaat dan ketika berada di tanah haram Makkah. Sembahyang yang dilakukan pada hari Jumaat ketika waktu *al-istiwa'* adalah harus sama ada bagi orang yang hadir menunaikan sembahyang Jumaat ataupun tidak.

Demikian juga sembahyang yang dilakukan di tanah haram Makkah pada waktu-waktu terlarang berdasarkan satu riwayat daripada Jubair bin Muth'im *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Jangan kamu larang seseorang tawaf di rumah ini (Baitullah) dan mengerjakan sembahyang pada bila-bila masa yang dia mahu, malam atau siang.*

(Hadits riwayat Abu Daud)

**Sembahyang Sunat Hajat Pada Waktu Yang Dilarang**

Sembahyang-sembahyang yang ditegah melakukannya pada waktu-waktu yang dilarang itu ialah sembahyang-sembahyang yang tidak mempunyai sebab seperti sembahyang sunat Muthlaq dan sembahyang sunat Tasbih. Demikian juga, sembahyang yang mempunyai sebab tetapi sebabnya datang kemudian setelah sembahyang seperti sembahyang sunat Istikharah dan sembahyang sunat Ihram.

Sembahyang yang tidak mempunyai sebab atau sembahyang yang mempunyai sebab tetapi sebabnya datang kemudian adalah tidak sah jika dilakukan pada waktu-waktu yang dilarang.

Menurut asy-Syaikh Sa'id bin Muhammad Ba'ashin *Rahimahullah* dalam kitabnya Busyra al-Karim bi Syarh Masa'il at-Ta'lim, sembahyang sunat Hajat adalah antara sembahyang yang mempunyai sebab kemudian.

Oleh yang demikian, sembahyang sunat Hajat tidak boleh dilakukan pada waktu-waktu yang dilarang melakukan sembahyang dan jika dilakukan sembahyang sunat Hajat tersebut adalah tidak sah.

Berbeza halnya dengan sembahyang-sembahyang yang mempunyai sebab yang terdahulu daripada sembahyangnya seperti sembahyang sunat Wudhu' dan sembahyang yang mempunyai sebab beriringan seperti sembahyang sunat Gerhana.

Perkara yang menjadi sebab dalam sembahyang sunat Wudhu' ialah wudhu' dan wudhu' itu dilakukan terlebih dahulu dari sembahyang sunat Wudhu'. Manakala perkara yang menjadi sebab dalam sembahyang sunat Gerhana pula ialah gerhana matahari atau gerhana bulan. Permulaan gerhana itu mendahului sembahyang sunat Gerhana sekalipun gerhana itu masih berlaku ketika sembahyang sunat Gerhana dilakukan.

Sembahyang-sembahyang yang mempunyai sebab terdahulu dan yang mempunyai sebab beriringan seperti kedua-dua sembahyang yang dinyatakan di atas tidak ditegah jika dilakukan pada waktu-waktu yang dilarang, bahkan sah dilakukan pada waktu-waktu tersebut. Selain kedua-dua sembahyang tersebut, antara sembahyang yang juga tidak ditegah melakukannya pada waktu-waktu dilarang ialah sembahyang qadha' sama ada qadha' sembahyang fardhu atau qadha' sembahyang sunat, sembahyang sunat yang dinazarkan, sembahyang sunat Hari Raya, sembahyang sunat Dhuha, sembahyang sunat Thawaf dan lain-lain kerana kesemuanya mempunyai sebab terdahulu atau beriringan dengan sebabnya.

Demikian penjelasan mengenai sembahyang sunat Hajat yang dilakukan pada waktu-waktu yang dilarang sembahyang.

**SEMBAHYANG-sembahyang yang ditegah melakukannya pada waktu-waktu yang dilarang itu ialah sembahyang-sembahyang yang tidak mempunyai sebab seperti sembahyang sunat Muthlaq dan sembahyang sunat Tasbih.**

# Jangan abaikan sembahyang

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوأن قوسة دعوة اسلاميه

"*SESUNGGUHNYA sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya*".

Surah An-Nisaa' : 103.

Kewajipan mengerjakan sembahyang adalah dituntut sepanjang hayat iaitu selagi kita masih hidup. Kewajipan ini tidak akan gugur dalam apa jua keadaan walaupun dalam keadaan sedang sakit, bermusafir dan sebagainya. Ini kerana tidak ada perkara wajib yang lebih besar berbanding kewajipan menunaikan sembahyang fardu lima waktu bahkan Islam telah menggariskan cara-cara sembahyang dalam pelbagai keadaan sesuai dengan kemampuan keadaan seseorang sama ada sembahyang dengan cara berdiri, duduk, mengiring, menelentang dan dengan isyarat mata.

Sembahyang adalah ibadat yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada malam Israk dan Mikraj iaitu lima tahun sebelum Hijrah. Pendapat ini berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya daripada Anas Radhiallahu 'anhu, dia berkata yang maksudnya :

*"Sembahyang difardukan (diwajibkan) ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam Israk dengan lima puluh waktu, kemudian dikurangi hingga menjadi lima waktu. Kemudian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diseru : "Ya Muhammad! Sesungguhnya keputusanku tidak berubah, sesungguhnya lima waktu ini bagimu sama pahalanya dengan lima puluh waktu sembahyang".*

Sembahyang mengandungi pelbagai hikmah antaranya adalah sebagai jalan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala untuk membimbing manusia supaya sentiasa menghargai atau menepati masa dan bukan sebagai sesuatu yang mengganggu rutin tugasan harian kita. Selain itu, mendirikan sembahyang juga memberi makna kita berusaha untuk menjadi Mukmin yang berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Waktu yang afdal atau disunatkan sembahyang itu adalah dengan menyegerakannya pada awal waktu sembahyang sebagaimana berdasarkan sebuah hadis riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhu, dia berkata, maksudnya :

*"Aku bertanya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam : Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah? Baginda bersabda : Sembahyang pada waktunya".*

Justeru didiklah diri kita sendiri untuk sembahyang di awal waktu. Dengan sembahyang pada awal waktu, kita akan berasa waktu dan masa itu lebih lama, lapang dan tenang daripada biasanya. Jadikan setiap waktu sembahyang itu sebagai janji temu yang paling eksklusif dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Tinggalkan sementara urusan dunia dan utamakanlah tanggungjawab kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Jika ada suatu sungai di depan rumah seorang yang di situ dia mandi lima kali dalam sehari, masihkah ada kotoran pada dirinya?" Para sahabat menjawab : "Tidak ada sedikit pun kotoran yang tersisa pada dirinya." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Begitulah perumpamaan sembahyang fardu lima waktu yang dengannya Allah menghapus dosa orang yang mengerjakannya".*

# 54 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN





**ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 (atas). Sementara gambar kanan, pemeriksaan dilakukan sebelum menderma darah.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan mengadakan Kempen Derma Darah bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023, hari ini bertempat di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang dibukakan kepada warga kementerian dan orang ramai.

Sebanyak 54 pain darah telah berjaya dikumpulkan semasa kempen tersebut bagi sama-sama meningkatkan lagi simpanan tabung Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Ketua Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop ketika ditemui berkata antara objektif kempen tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa di samping membantu menambah simpanan tabung darah, Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan.

Selain itu, Kempen Derma Darah ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti untuk memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023.

Sementara itu, Jururawat dari Wad 29 Paediatrik, Dayang Noor Eijah binti Haji Emran berkata, selain dapat membantu pesakit yang memerlukan darah, menderma darah juga baik untuk kesihatan kerana menyegarkan tubuh badan.

Beliau melahirkan harapan agar lebih ramai golongan belia yang sihat, tidak mempunyai penyakit agar dapat menderma darah sejak pada usia muda lagi kerana dapat membantu golongan yang memerlukan bekalan darah secara berterusan serta menikmati manfaat kesihatan melaluinya.

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN
Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
*Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan*

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN
Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



## 2 pekerja lari daripada majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**DEVI Widyawati, perempuan 29 tahun dengan nombor pasport C9303871.**



**SELAMET Darto, lelaki berusia 33 tahun, dengan nombor pasport E0294628.**

**SENGKURONG**, Selasa, 17 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan dua pekerja warganegara asing yang dilaporkan lari daripada majikan.

Menurut kenyataan berkenaan, pekerja-pekerja tersebut ialah warganegara Indonesia, iaitu Selamet Darto, lelaki berusia 33 tahun, dengan nombor pasport E0294628 dan Devi Widyawati, perempuan 29 tahun dengan nombor pasport C9303871.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.

## Bantu kesan Najihah

**SENGKURONG**, Selasa, 17 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang perempuan keluar dari rumah.

Menurut kenyataan berkenaan, perempuan tersebut Najihah binti Ismail, 24 tahun dengan nombor Kad Pengenalan, 01-107737 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.



**BANTU kesan Dayang Najihah binti Ismail, 24 tahun dengan nombor Kad Pengenalan, 01-107737 (Kuning).**

HALUAN

## Kepimpinan berkesan penting untuk menempuh cabaran

**>> Muka 2**

Walaupun menyesuaikan diri dan bertolak ansur adalah penting, pemikiran berwawasan kekal menjadi teras kepimpinan. Para pemimpin harus mempunyai wawasan yang jelas tentang masa depan yang ingin mereka cipta dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk menyertai mereka dalam perjalanan itu. Wawasan Brunei 2035 merupakan bukti kepada kuasa kepimpinan berwawasan.

Kesimpulannya, kepimpinan peringkat seterusnya tidak terhad kepada gelaran atau kedudukan tertentu sahaja; ia merupakan suatu pemikiran dan kualiti lengkap yang boleh disemai dan diamalkan pada semua peringkat organisasi. Ia merupakan satu komitmen terhadap peningkatan berterusan, pertumbuhan peribadi dan kebaikan yang lebih besar daripada organisasi, masyarakat, atau negara. Dengan menerapkan sifat-sifat ini, para pemimpin peringkat seterusnya dapat mewujudkan legasi positif dan berkesan.

Terima kasih.

*Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سوڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِىُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ، وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساءت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

Menyentuh mengenai kaedah permainan adalah dengan melepaskan seutas tali yang sudah tersimpul keluar dari rangkanya tanpa membuka ikatan simpulan tersebut.

Kaedah yang lain pula adalah dengan memasukkan kembali tali tersebut ke dalam rangka Salok-Salokan.

## Permainan Lastik

Permainan Lastik pula merupakan antara permainan yang digemari oleh kanak-kanak zaman dahulu di mana tujuan permainan ini ialah bagi menguji ketangkasan serta ketajaman mata si pemain menuju sasaran sesuatu benda. Permainan Lastik ini biasanya dimainkan secara pertandingan bagi menguji keupayaan melastik kepada sesuatu benda misalnya melastik kotak kosong atau tin-tin kosong yang disusun bertingkat-tingkat. Sesiapa yang berjaya menuju pada sasaran yang dimaksudkan dikira jaguh atau merupakan pemenang. Biasanya permainan Lastik ini melibatkan mereka yang berusia 10 ke 20 tahun dan ia dimainkan secara perseorangan di kawasan lapang atau di hutan-hutan untuk melastik binatang-binatang.

Selain itu, sesetengah kanak-kanak biasanya yang tinggal di kawasan-kawasan perkampungan atau pedalaman menggunakan Lastik ini sebagai alat untuk melastik burung atau binatang yang merbahaya.

## Kipas Tarik

Permainan ini selalunya dimainkan oleh kanak-kanak tradisional yang tinggal di kampung atau yang terdapat pokok getah yang tumbuh di sekitar kediaman rumah mereka. Kipas Tarik diperbuat daripada biji pokok getah yang jatuh di halaman rumah mereka lalu dikeluarkan isinya melalui tiga bahagian lubang kecil yang telah ditebuk terlebih dahulu.

Dua bahagian lubang pada sebelah atas dan bawah biji getah tersebut akan digunakan untuk memasukkan batang lidi, dan lubang yang satunya lagi yang di bahagian tengahnya pula digunakan untuk melilit tali benang pada batang lidi yang ada di bahagian dalam biji getah tersebut. Manakala di bahagian atas lidi pula akan dipasang kipas kecil yang diraut daripada buluh.

Kebiasaannya, Kipas Tarik ini dimain oleh mereka yang berusia 12 hingga 15 tahun, sama ada secara perseorangan atau dalam kumpulan lima orang. Lokasi permainan pula di kawasan rumah atau mana-mana kawasan lapang.

Kipas Tarik ini dimainkan dengan cara menarik tali benang secara perlahan-lahan sehingga kipas kecil di atasnya akan berputar secara timbal-balas dan permainan ini juga boleh dimainkan secara bertanding, iaitu jika Kipas Tarik pemain berputar dalam jangka masa yang lama maka dialah yang dikira pemenang dan sebaliknya.

## Kesimpulannya

Dalam hal ini, semuanya berbalik kepada diri kita sendiri, selaku masyarakat Brunei yang meliputi tujuh puak jati Melayu, sama ada ingin melihat budaya permainan tradisi kita hilang begitu sahaja atau mempertahankan kewujudannya.

Oleh itu, bersama-samalah kita memartabatkan budaya bangsa Melayu seperti mempraktikkan permainan tradisi ini agar ia tetap bertapak dan kekal selamanya, 'Takkan Melayu Hilang di Dunia' dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat walaupun gelombang arus kemodenan terus melanda kehidupan ini dari waktu ke waktu.

Diharap akan ada pihak-pihak tertentu untuk mengambil langkah yang lebih proaktif dalam memperkenalkan semula pelbagai jenis permainan tradisi ini kepada generasi muda khususnya para belia remaja kerana jika permainan ini tidak diberikan perhatian akan kewujudannya pastinya ia akan pupus dan hanya tinggal nama dan hanya menjadi bahan sejarah.






# Perkhidmatan Awam pemangkin pembangunan negara

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam**
**Foto : Jabatan Penerangan**

PERKHIDMATAN Awam perlu terus berkembang dan melakukan perubahan yang progresif sesuai dengan perubahan zaman kini yang tidak menentu dan haruslah efisien dalam menangani pelbagai cabaran seperti menghadapi situasi pasca pandemik Coronavirus, ketidakstabilan ekonomi global dan ancaman perubahan iklim.

Dalam menghadapi perubahan dan cabaran tersebut, warga Perkhidmatan Awam hendaklah mempunyai sikap kedayatahanan, cekap dan berinovasi yang dilengkapi dengan nilai integriti yang tinggi. Dengan ini, Perkhidmatan Awam boleh menjadi organisasi yang terus kekal relevan dengan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa mengutamakan amalan budaya kerja berprestasi tinggi demi kesejahteraan negara.

Sesuai dengan tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-30 mulai Tahun 2023 sehingga Tahun 2025 iaitu : 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara', tema ini dapat diterjemahkan sebagai mempunyai daya tahan dan kerjasama yang tinggi antara satu sama lain bagi mencapai kejayaan yang menyeluruh.

### Huraian ringkas tema

Perkhidmatan Awam adalah sebuah institusi yang dinamik dan progresif mengikut perubahan masa dan cabaran yang tidak dijangka seperti penularan wabak Coronavirus yang telah menjadi krisis global serta menjejaskan banyak aspek kehidupan. Cabaran sedemikian telah memberi kesan kepada landskap dan struktur Perkhidmatan Awam dari segi pentadbiran dan pelaksanaan tugas serta pemberian khidmat kepada orang awam. Oleh itu, ia adalah amat penting untuk terus meningkatkan kompetensi dan integriti setiap warga Perkhidmatan Awam dalam menangani pelbagai cabaran termasuk meminimalkan risiko dan kesan krisis global yang dihadapi pada masa ini.

Setiap warga Perkhidmatan Awam setentunya perlu menerapkan beberapa nilai penting seperti memiliki daya tahan yang tinggi, bersikap proaktif, responsif dan mempunyai kerjasama yang erat di antara satu sama lain di dalam agensi yang sama mahupun berlainan agensi. Nilai-nilai sedemikian adalah penting bagi mengekalkan dan meningkatkan produktiviti kerja serta memastikan perkhidmatan yang cekap terus diberikan kepada orang awam, agar matlamat institusi tercapai demi kesejahteraan negara.

### Menanai amanah dalam perkhidmatan

Perkhidmatan Awam adalah nadi utama dan jentera penggerak untuk memacu pembangunan negara demi merealisasikan aspirasi dan Wawasan Negara 2035. Dalam menuju ke arah matlamat negara, warga Perkhidmatan Awam hendaklah menanam sifat murni, nilai positif dan jati diri yang teguh agar dapat mencapai objektif kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Di antara sifat-sifat murni yang perlu ada di dalam setiap warga Perkhidmatan Awam adalah mempunyai sifat amanah, jujur, cekap, tekun, cermat, bermoral tinggi, bertanggungjawab, beriltizam dan berdedikasi dalam pelaksanaan tugasan seharian. Tanpa sifat-sifat tersebut, terutama sekali sifat amanah, kepentingan dan hak orang ramai pasti akan terjejas. Menjaga amanah itu juga adalah sebahagian dari ajaran agama Islam yang secara tidak langsung menjadi peringatan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam agar tidak leka dan sedar bahawa setiap perbuatan, keputusan dan tindakan hendaklah dilaksanakan dengan ikhlas, adil dan saksama berlandaskan ajaran Islam yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam memupuk sifat amanah, warga Perkhidmatan Awam juga hendaklah bersandar kepada Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam sebagai panduan dalam pelaksanaan tugasan kerja agar perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti tinggi dan berintegriti untuk mengekalkan kepercayaan kerajaan dan rakyat terhadap Perkhidmatan Awam.

Pada masa yang sama, setiap pegawai dan kakitangan kerajaan perlu memiliki kedayatahanan yang tinggi, bersikap proaktif, adaptif dan inovatif agar sentiasa bersiap siaga untuk menangani apa jua cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi. Memupuk kedayatahanan warga Perkhidmatan Awam akan membantu meningkatkan lagi produktiviti kerja dan juga meyakinkan rakyat terhadap Perkhidmatan Awam.

### Meningkatkan kompetensi warga Perkhidmatan Awam

Warga Perkhidmatan Awam mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan segala dasar penting berjaya dilaksanakan dan perkhidmatan yang diberikan untuk kepentingan orang awam adalah yang terbaik dan berkesan. Oleh itu, warga Perkhidmatan Awam yang kompeten adalah amat diperlukan dalam membantu mengukuhkan potensi kepimpinan dan perpaduan bagi sama-sama mencapai wawasan negara. Kompetensi yang diperlukan adalah gabungan pengetahuan, kemahiran serta sifat dan tingkah laku yang berkaitan dengan prestasi di tempat kerja tanpa mengira peranan atau tahap jawatan.

Untuk menjadi warga Perkhidmatan Awam yang kompeten, perlu ada sifat proaktif dan adaptif; sentiasa berusaha dan mengambil inisiatif untuk menambah ilmu pengetahuan serta kemahiran agar dapat menyesuaikan diri dengan setiap tugasan yang diberikan dalam pelbagai situasi kerja dan melaksanakannya dengan baik dan teratur. Sikap proaktif perlu diterapkan dalam diri individu agar sentiasa bersedia untuk bekerjasama dalam menyelesaikan pelbagai cabaran merentasi kementerian dan agensi serta memainkan peranan masing-masing demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Usaha untuk menjadi lebih kompeten itu juga akan membawa kepada peningkatan dalam perpaduan sesama warga Perkhidmatan Awam. Adanya peningkatan kompetensi dapat menghasilkan kerjasama dalam pelaksanaan tugas, meluaskan perkongsian pengalaman dan pengetahuan, menambah baik proses kerja serta penyampaian perkhidmatan dalam organisasi dan memastikan tadbir urus awam yang cemerlang demi mencapai matlamat dan wawasan negara.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa kompetensi dan perpaduan itu saling berkait rapat. Kompetensi yang tinggi boleh memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam terutama antara agensi-agensi yang berkepentingan. Dalam usaha ke arah perpaduan ini, kompetensi warga Perkhidmatan Awam mesti dititikberatkan dan tidak dipandang ringan. Komitmen semua pihak yang terlibat terutama warga Perkhidmatan Awam juga adalah penting dan berperanan besar sebagai peneraju kemajuan negara dan menjaga kesejahteraan orang awam.

### Penutup

Pada keseluruhannya, perlu diambil kira juga asas utama yang mesti ada pada setiap pegawai dan kakitangan kerajaan iaitu takwa dan ihsan yang perlu diperkukuhkan bagi tujuan menghasilkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan mempunyai ciri kepimpinan yang tinggi, mendorong kepada pembangunan, memiliki perpaduan yang erat serta sentiasa beriltizam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai termasuk sektor swasta.

Sebagaimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22, 24 November 2015 :

*"Selaku tulang belakang kerajaan, warga Perkhidmatan Awam berperanan besar untuk memperkemas dan memperlicin urus tadbir negara.*

*"Salah satu faktor ke arah itu, ialah dengan mengukuhkan kepimpinan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kepimpinan adalah sangat penting di samping kemahiran.*

*"Pemimpin yang berkualiti bukan saja mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja pembaikan atau pembaharuan yang perlu. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki.*

*"Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.*

*"Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang-orang di bawah mereka. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna".*

Kesimpulannya, salah satu nilai teras utama yang perlu ditanai dalam diri setiap warga Perkhidmatan Awam adalah kepimpinan, yang merupakan elemen penting untuk melahirkan perpaduan dalam kalangan penjawat awam dalam sama-sama mencapai hasrat negara dalam Wawasan 2035. Sebagai warga Perkhidmatan Awam, kita hendaklah terus proaktif untuk sentiasa progresif dan bergerak ke arah satu matlamat iaitu menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti, sistem tadbir urus yang unggul secara berterusan dan bersemangat jitu serta bersiap siaga dalam menangani apa jua cabaran dari semasa ke semasa yang di dalam mahupun di luar jangkaan.



BERITA GLOBAL

# JERMAN PERKETAT KAWALAN SEMPADAN UNTUK TANGANI ISU KEMASUKAN PENDATANG TANPA IZIN

**BERLIN**, 17 Okt. - Jerman memperketat kawalan di sempadan dengan Poland, Republik Czech dan Switzerland untuk menangani isu kemasukan pendatang, lapor Xinhua.

"Kemasukan pendatang tanpa izin kian berleluasa," kata Menteri Dalam Negeri Jerman Nancy Faeser pada Isnin. Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai kemalangan van yang meragut tujuh nyawa pada minggu lalu.

Van yang dikatakan membawa pendatang tanpa izin itu terbabit dalam nahas jalan raya ketika cuba mengelak pemeriksaan polis. Pada Oktober, Jerman merekodkan sebanyak 98,000 kemasukan pendatang tanpa izin.

Polis menjangkakan kira-kira satu daripada empat rakyat asing yang memasuki Jerman tanpa kebenaran merupakan mangsa sindiket pemerdagangan orang.

Negara-negara anggota Kesatuan Eropah (EU) baru-baru ini bersetuju untuk meminda undang-undang yang berkaitan dengan pencari suaka. Bagaimanapun, pembaharuan itu masih perlu mendapat kelulusan Parlimen Eropah. - ©BERNAMA

# 4 maut bas terhumban dalam sungai di Honduras

**TEGUCIGALPA,** 16 Oktober - Seramai empat orang terbunuh manakala 27 lagi cedera pada Ahad di Honduras apabila sebuah bas membawa migran terhumban ke dalam gaung sebelum jatuh ke dalam sungai, menurut Jabatan Bomba, lapor Xinhua.

Kejadian itu berlaku kira-kira 3 pagi waktu tempatan (0900 GMT) di komuniti barat laut Santa Rosa de Copan, sebuah perbandaran di Honduras, apabila "bas itu terjatuh dari lebuh raya ke Sungai Higuito," kata pihak berkuasa.

Migran kebanyakannya dari Venezuela sedang dalam perjalanan ke Amerika Syarikat. Daripada empat mangsa yang terbunuh, hanya pembantu pemandu bas yang telah dikenal pasti manakala dua lelaki dan seorang wanita lain tidak mempunyai dokumen bersama mereka.

Pihak berkuasa tempatan sedang menjalankan siasatan untuk menentukan punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

# Sepanyol : Pesawat terpaksa mendarat selepas penumpang meninggal dunia

**PALMA DE MALLORCA (Sepanyol),** 17 Okt. - Sebuah pesawat dari syarikat sewa Mesir AMC Airlines terpaksa melakukan pendaratan tidak dirancang di sini pada Isnin, kerana kecemasan perubatan.

Seorang penumpang meninggal dunia di dalam pesawat semasa dalam penerbangan dari Mesir ke Sepanyol, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pesawat itu singgah di lapangan terbang di Palma untuk menurunkan penumpang berkenaan, kata pihak berkuasa. Pengendali lapangan terbang Sepanyol Aena mengesahkan maklumat itu.

Pesawat Boeing 737 itu dalam perjalanan dari Kaherah ke Madrid apabila seorang lelaki Portugal berusia 67 tahun meninggal dunia di dalam pesawat atas sebab yang tidak diketahui, menurut laporan media tempatan.

Penumpang yang lain dibenarkan menaiki semula pesawat dan meneruskan perjalanan ke Madrid, menurut Aena.

Bedah siasat akan dijalankan untuk mengenal pasti punca kematian lelaki itu. - ©BERNAMA

# AS benarkan eksport kepada pengeluar cip Korea Selatan bagi operasi di China

**SEOUL**, 17 Okt. - Tindakan Amerika Syarikat (AS) yang membenarkan eksport peralatan ke kilang semikonduktor Korea Selatan di China adalah berdasarkan pertimbangan syarikat-syarikat itu sendiri dan syarikat Korea Selatan, lapor Xinhua.

Kerajaan AS memutuskan kilang cip Samsung Electronics dan SK Hynix di China sebagai 'pengguna akhir yang disahkan (VEU)', membolehkan kedua-dua pembuat cip itu memperoleh peralatan membuat cip Amerika di kemudahan sedia ada mereka di China tanpa perlu mendapatkan kelulusan berasingan daripada AS.

"Tujuan halang kemasukan peralatan semikonduktor ke China adalah untuk menyekat China," menurut penyelidik di Institut Ekonomi dan Perdagangan Korea, Kim Yang-paeng.

Beliau berkata keputusan AS baru-baru ini juga bertujuan untuk mengelakkan syarikat Korea Selatan daripada mengalami kerugian.

"Jika Samsung Electronics dan SK Hynix gagal mengeluarkan produk, pasaran semikonduktor memori akan terganggu yang seterusnya memberi kesan kepada pengeluar semikonduktor AS," kata Kim.

Pembekal peralatan cip AS juga akan terjejas oleh sekatan terhadap China, menurut laporan itu.

Beliau berkata sekatan ke atas kemasukan peranti semikonduktor itu menyebabkan AS kerugian berbilion dolar tahun ini. -©BERNAMA

# Kumpulan pertama bantuan kemanusiaan sumbangan China tiba di Afghanistan

**HERAT,** 16 Okt. - Kumpulan pertama barangan bantuan kemanusiaan yang disumbangkan oleh Kerajaan China untuk membantu Afghanistan dalam mengatasi bencana gempa bumi tiba di bandar Herat, Afghanistan pada Ahad.

Dua pesawat pengangkut Tentera Udara China yang membawa bantuan kemanusiaan bernilai kira-kira RMB500,000 (RM324,420) selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Herat.

Barangan itu antaranya terdiri khemah dan katil lipat yang amat diperlukan oleh mangsa dan bantuan selebihnya akan dihantar secara berperingkat.

Timbalan Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Afghanistan, Mullah Nuruddin Torabi yang turut berada di lapangan terbang itu mengucapkan terima kasih atas sumbangan berkenaan.

"Sebahagian barangan itu akan disalurkan kepada Kementerian Pengurusan Bencana Negara dan selebihnya disalurkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah.

"Terima kasih kepada China dan kami sememangnya memerlukan banyak barangan bantuan pada masa ini," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Duta China ke Afghanistan, Zhao Xing dan Pemangku Menteri Pengurusan Bencana Negara kerajaan sementara Afghanistan, Mohammad Abas Akhund, menghadiri majlis penyerahan bahan bantuan yang diadakan di Kabul pada Ahad.

Sebelum ini, Persatuan Palang Merah China dilaporkan telah menyumbang bantuan tunai bernilai US$200,000 (RM948,400) kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Afghanistan.

Selain itu, perusahaan dan rakyat China di Afghanistan turut mengumpul dana untuk disumbangkan kepada penduduk tempatan.- ©BERNAMA

# Hujan lebih 100mm diramal di beberapa tempat di Sri Lanka

**COLOMBO**, 17 Okt. - Hujan lebat melebihi 100 milimeter (mm) diramal berlaku di sebahagian kawasan di Sri Lanka dalam tempoh beberapa hari akan datang, menurut Jabatan Meteorologi pada Selasa.

Hujan lebat melebihi 100 mm dijangkakan berlaku di beberapa tempat di wilayah Uva, Sabaragamuwa dan bahagian tengah negara ini, lapor Xinhua memetik kenyataan jabatan itu.

Selain itu, hujan turut diramal berlaku di kawasan pantai di wilayah barat, selatan dan timur, serta daerah Mannar dan Jaffna pada waktu pagi.

Sementara itu, Pusat Pengurusan Bencana memberi amaran bahawa kekerapan hujan boleh menyebabkan lebih banyak kejadian tanah runtuh.- ©BERNAMA

# Poland : Parti Law and Justice bentuk kerajaan selepas menang pilihan

**WARSAW,** 17 Okt. - Presiden Poland Andrzej Duda berkata parti Law and Justice (PiS) yang diketuai Jaroslaw Kaczynski akan membentuk kerajaan selepas parti itu menang pilihan raya, lapor Sputnik.

Parti PiS memenangi pilihan raya parlimen pada 15 Oktober dengan memperoleh 35.38 peratus undi, namun hilang majoriti.

"Sudah menjadi kelaziman di Poland, parti yang menang akan membentuk kerajaan. Hakikat itu tidak boleh diubah. Inilah keputusan saya," kata Duda kepada pemberita.- ©BERNAMA

# Daniel Noboa, usahawan pisang menang pilihan raya Presiden Ecuador

**BUENOS AIRES**, 16 Okt - Usahawan pisang, Daniel Noboa akan menjadi presiden termuda dalam sejarah Ecuador apabila beliau mengalahkan ahli politik berhaluan kiri Luisa Gonzalez dalam pemilihan pada Ahad, kata ketua pihak berkuasa pilihan raya CNE, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Noboa, 35, daripada pakatan National Democratic Action mendahului Gonzalez, daripada kem bekas presiden Rafael Correa dengan 52.3 peratus berbanding 47.7 peratus undi ketika lebih daripada 90 peratus undi telah dikira.

Gonzalez mengucapkan tahniah kepada Noboa atas kemenangannya.

Peratus keluar mengundi adalah kira-kira 82 peratus, kata Ketua CNE, Diana Atamaint.

Kira-kira 12 juta rakyat Ecuador layak mengundi susulan kempen pilihan raya yang dicemari dengan pembunuhan seorang daripada calon di tengah-tengah peningkatan jenayah di seluruh negara itu. - ©BERNAMA

# Mahkamah Perlembagaan Georgia benarkan prosiding pecat presiden

**TBILISI,** 16 Okt. - Mahkamah Perlembagaan Georgia pada Isnin membenarkan prosiding pemecatan ke atas Presiden Salome Zourabichvili dimulakan setelah beliau didapati melanggar undang-undang kerana membuat perjalanan ke luar negara tanpa kebenaran kerajaan, lapor Sputnik.

Parti Georgian Dream telah memulakan usul pemecatan Zourabichvili berdasarkan fakta bahawa beliau ingkar dengan arahan kerajaan yang tidak membenarkan beliau melakukan perjalanan ke luar negara.

"Semasa lawatan kerja pada 31 Ogos, 1 dan 6 September 2023, presiden menggunakan kuasa perwakilan dalam bidang dasar luar tanpa persetujuan kerajaan, oleh itu beliau telah melanggar perlembagaan," menurut pengerusi mahkamah itu, Merab Turava.

Parlimen belum meluluskan keputusan mahkamah itu. Jika diluluskan, presiden akan dianggap disingkirkan daripada jawatan. - ©BERNAMA

# AWANG MD. SHAHDANY JUARA BEYBLADE X TERBUKA





**PARA peserta yang menyertai Pertandingan Beyblade X Terbuka anjuran Underground Beys semasa bergambar ramai (atas). Sementara gambar atas kanan, Sallehuddin bin Sabli berjaya membawa pulang hadiah Beyblade X, Shark Edge bagi perlawanan berasingan Beyblade X (3on3) anjuran Free Lancer Beyblade kelolaan Skudii86.**

**Berita dan Foto : Ihsan DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam**

**MENGKUBAU**, Selasa, 17 Oktober. - Awang Md. Shahdany bin Haji Mohid daripada Pasukan Underground Beys muncul juara dalam Pertandingan Beyblade X Terbuka anjuran Underground Beys yang diadakan Teratak DBos, Kampung Mengkubau sekali gus berjaya memenangi hadiah berupa Matrix Led TV.

Sementara itu, Awang Aediesopian bin Haji Ismail daripada Pasukan Jakusha Bladers merangkul tempat kedua, manakala tempat ketiga sandang oleh Awang Julkarnain bin Haji Husin dan tempat keempat oleh Awang Massuny bin Haji Mohid.

Manakala pemenang Top 8 disandang oleh UG Haq, GB Mainor, UG Massuny dan SA Luqman. Hadiah sagu hati Top 16 pula dimenengi oleh UG Naim, SA Julkarnain, JB Mimi, GB Haji Rosaimi dan GB Aiwan.

Pada perlawanan berasingan Beyblade X (3on3) anjuran Free Lancer Beyblade kelolaan Skudii86 pula dimenangi oleh Sallehuddin bin Sabli sekali gus berjaya membawa pulang hadiah Beyblade X, Shark Edge.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023/2024, Pasukan Jakusha Bladers ketika ini berjaya melebarkan jurang mata dengan berjaya memperoleh 79 mata diikuti Pasukan Underground Beys dengan 51 mata, Pasukan Santai Aja Bladerz mengutip 37 mata manakala Pasukan Ghostbeys memperoleh 27 mata dan Beyblade Madness dengan 6 mata.

Walaupun permainan Xtreme Gear Sport ini masih baharu dalam kalangan penggemar Beyblade di negara ini, namun ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua peringkat umur di mana sukan ini dapat mengeratkan silaturahim di antara pemain-pemain Beyblade.

# Skuasy Acara Olimpik berita baik untuk Malaysia - Hannah

**SEPANG**, 17 Okt. - Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh menyifatkan penyenaraian skuasy pada Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28) sebagai berita baik untuk Malaysia yang masih memburu emas pertama di temasya sukan terbesar dunia itu.

Beliau berkata perkembangan itu menggembirakan kerana Malaysia berada di landasan tepat untuk meraih pencapaian positif di Los Angeles selepas acara skuasy menyumbangkan tiga emas pada Sukan Asia Hangzhou 2022 baru-baru ini.

Katanya Jawatankuasa Road To Gold (RTG) akan memberi perhatian terhadap perkembangan itu dalam memastikan semua atlet yang berpotensi membutirkan emas di Sukan Olimpik Paris 2024 dan LA28 mendapat bantuan sewajarnya.

"Ini kerana Perdana Menteri telah umumkan satu bajet yang bagus (dalam Belanjawan 2024) iaitu RM20 juta untuk RTG dan (kita) tunggu Jawatankuasa RTG yang akan bermesyuarat hujung bulan ini dan kami akan buat pengumuman tentang perkara ini.

"Malaysia menyambut baik berita untuk tambah bukan saja skuasy tetapi kriket juga termasuk dalam senarai itu," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Kontinjen Malaysia ke Sukan Para Asia Hangzhou 2022 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, malam tadi.

Baru-baru ini, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) mengumumkan penambahan lima sukan iaitu skuasy, kriket, flag football, lacrosse dan besbol-sofbol pada LA28.

Pada Sukan Asia Hangzhou, tiga daripada enam pingat emas Malaysia disumbangkan kem skuasy menerusi Ng Eain Yow dalam acara perseorangan lelaki, S. Sivasangari (perseorangan wanita) dan berpasukan wanita.

Namun hanya acara perseorangan lelaki dan wanita dipertandingkan di LA28.

Penyenaraian skuasy bukan sahaja menggembirakan banyak pihak termasuk Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM), malah menarik perhatian legenda skuasy negara Datuk Nicol David.

Menerusi ciapannya di laman sosial X, bekas pemain nombor satu dunia dan juara dunia lapan kali itu berkata: "Amazing amazing! Rightfully deserved after so many years of hard work! Congratulations to our beloved squash and the future champions (Hebat hebat! Sememangnya layak selepas bertahun-tahun kerja keras! Tahniah kepada skuasy kesayangan kita dan juara masa depan)". - ©BERNAMA

# PSM komited sedia padang bertaraf dunia untuk Harimau Malaya - Hannah

**KUALA LUMPUR**, 17 Okt. - Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) komited untuk menyediakan stadium dengan padang bola sepak bertaraf dunia bagi kegunaan skuad Harimau Malaya.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, percaya Stadium Nasional Bukit Jalil di bawah pemantauan kontraktor yang mempunyai kemahiran berkaitan rumput jenis Zeon Zoysia akan membuahkan hasil padang yang sempurna untuk pembangunan bola sepak di negara.

Katanya, sebuah tapak semaian rumput Zeon Zoysia turut terletak berhampiran Stadium Nasional.

Selain kontraktor yang mengendalikan penanaman dan penyelenggaraan rumput di gelanggang keramat Harimau Malaya itu merupakan kontraktor Stadium Sultan Ibrahim di Iskandar Puteri, Johor Bahru, milik kelab Johor Darul Ta'zim (JDT), katanya.

"Sebarang pembaikan rumput di padang Stadium Nasional tidak melibatkan kos tambahan kerana adanya tapak semaian yang telah disediakan sebagai sebahagian daripada perancangan penyelenggaraan padang," katanya menerusi hantaran di Facebooknya, hari ini.

Mengulas lanjut, Hannah berkata usaha dalam mengimbangi keperluan pasukan Harimau Malaya dengan pemeliharaan dan pertumbuhan rumput Zeon Zoysia merupakan tugas yang tidak boleh diambil mudah.

Jumaat lalu, kualiti padang Stadium Nasional Bukit Jalil dipersoalkan banyak pihak susulan beberapa kawasan yang 'terkopak' sewaktu perlawanan pembukaan Pestabola Merdeka 2023 antara Malaysia dan India.

Bagaimanapun, PSM pantas memberi jaminan masalah itu akan dapat diatasi dan beberapa tompokan di padang bakal pulih sepenuhnya menjelang aksi Harimau Malaya pada pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026 / Piala Asia 2027 yang dijadual bermula bulan depan. - ©BERNAMA




# Adelaide tuan rumah Kejohanan Dunia Bola Tampar Pantai FIVB 2025

**GENEVA**, 17 Okt. - Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) pada Isnin mengumumkan Adelaide Australia akan menjadi tuan rumah Kejohanan Dunia Bola Tampar Pantai FIVB 2025, lapor Xinhua. Pengumuman itu dibuat setelah edisi 2023 kejohanan berakhir di Tlaxcala, Mexico, pada Isnin.

Ini kali pertama Australia menjadi tuan rumah kejohanan dunia bola tampar pantai. Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan menjelang pusingan akhir kejohanan di Mexico.

"Kami gembira kejohanan itu akan diadakan di Australia buat kali pertama dalam sejarah. Australia memiliki semua 'ramuan' untuk menganjurkan acara menakjubkan ini dan saya yakin mereka akan dapat melakukannya," kata presiden FIVB Ary S Graca. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# PROGRAM PEMBIAYAAN ATLET : SUNTIK SEMANGAT ATLET UNTUK CAPAI KEJAYAAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Oktober.- Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud menyatakan, melalui Program Pembiayaan Atlet dengan singkatannya PPA, kita telah pun menyaksikan sendiri bahawa pemberian dana (elaun) kepada atlet elit telah pun menyuntik semangat para atlet elit berkenaan untuk lebih berusaha ke arah mencapai kejayaan dalam sukan berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kelima-lima atlet yang menerima elaun berkenaan katanya, terdiri daripada tiga atlet sukan Wushu, dan dua atlet sukan Pencak Silat yang berjaya mempamerkan prestasi cemerlang dan memperoleh pingat pada Sukan Asia Tenggara Ke-32 di Cambodia, pada Mei 2023.

Ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada tiga buah syarikat yang menaja Program Elit Kecemerlangan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan hari ini, Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS selaku Pengerusi Majlis seterusnya berkata, sebagai kesinambungan, KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan (pejabat interim Brunei Darussalam Institute Of Sport-BDIS) juga terus berusaha untuk mengenal pasti para atlet yang berpotensi untuk mencapai kejayaan podium (pingat) untuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga menghargai peranan dan sokongan sektor swasta dalam ekosistem sukan ke arah kecemerlangan.

"Dalam usaha ini, KKBS amat menghargai sokongan dan sumbangan daripada tiga syarikat yang telah juga sama-sama berganding bahu dengan kementerian ini untuk meningkatkan kualiti sukan prestasi tinggi di negara ini," ujarnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS di sini.

Pengiran Mohammad Amirrizal selanjutnya menyeru kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk sama-sama bekerjasama secara Whole of Nation bagi meningkatkan kualiti prestasi atlet tempatan dan mengangkat nama NBD ke peringkat sukan serantau dan antarabangsa.

"Baru-baru ini, kita telah pun menyaksikan bahawa atlet negara telah mampu bersaing dan memperoleh pingat pada Sukan Asia Ke-19.

"Sukan Wushu telah berjaya memperoleh pingat perak dan sukan Karate memperoleh pingat gangsa pada Sukan Asia Ke-19 di Hangzhou China 2022 yang diadakan pada 23 September hingga 8 Oktober 2023.

"Kejayaan ini amat membanggakan kerana ia merupakan pingat yang diperoleh di temasya Sukan Asia setelah menunggu 20 tahun lamanya dari kali terakhir kita memperoleh pingat pada 2001," tambahnya lagi.

Kejayaan seperti berkenaan ujarnya, setentunya dapat diulangi lagi dengan adanya sokongan dan dorongan daripada agensi-agensi berkepentingan dengan berterusan secara pendekatan senegara (Whole of Nation Approach).

Selain itu terangnya, melalui program atau aktiviti yang tidak terhad, antara lain seperti kerjasama dalam penganjuran kejohanan-kejohanan termasuk liga kebangsaan; di peringkat terbuka dan peringkat umur dan menawarkan pekerjaan-pekerjaan kepada atlet.

Tambahnya, menyediakan insentif dalam pelbagai bentuk kepada atlet elit yang berpotensi, dan melahirkan duta sukan dan imej kesukanan yang kukuh dan atlet sukan sebagai *branding* produk syarikat dan sebagainya.

Pengiran Mohammad Amirrizal mewakili KKBS menyatakan penghargaan bagi merakamkan berbanyak terima kasih kepada syarikat-syarikat khususnya JAB Gym Sdn. Bhd.; HH Dynamic Sports Hub dan Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., di atas sumbangan yang diberikan.

Hadir menyampaikan sijil penghargaan kepada tiga buah syarikat berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha - Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS; para atlet elit, jurulatih-jurulatih sukan dan perwakilan daripada persatuan-persatuan sukan kebangsaan termasuk para atlet daripada sukan Renang, Wushu, Silat, Olahraga dan Karate.

Adapun bentuk sumbangan daripada Syarikat JAB Gym Sdn. Bhd. ialah Strength and Conditioning Services bagi atlet berpotensi (Podium Potential) mulai Julai 2022 dengan Pilot Project dan diteruskan pada April 2023; manakala HH Dynamic Sports Hub, iaitu penyediaan makan dan minum atlet elit mulai April 2023; dan Brunei Shell Petroleum (BSP) Company Sdn. Bhd. menyumbangkan elaun tambahan bagi atlet elit sebanyak BND200 sebulan mulai Jun 2023 selama 19 bulan.

# Lebih 200 sertai Fun Ride Tour De Labuan 2023

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Nice Cycling Team, Negalang Cycling Team**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Oktober. - Ahli Kumpulan Kelab Nice Cycling Team yang diketuai oleh Awang Haji Aminudin bin Haji Abd. Karim dan Negalang Cycling Team Temburong yang diketuai oleh Awang Haji Lamat bin Haji Lakim, baru-baru ini telah dijemput untuk menyertai kayuhan Fun Ride Tour De Labuan 2023 oleh SAS Cycling Club Labuan Sabah Malaysia.

Kayuhan Fun Ride Tour De Labuan 2023 dilancarkan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, Sabah, Malaysia, Mohamad Syahfie bin Haji Japaril.

Acara bermula dan berakhir di Desa Tunas Hijau, di mana kayuhan tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu sejauh 55 kilometer (km) dan 20km.

Kira-kira 270 pekayuh basikal menyertai acara tersebut termasuk lebih 80 pekayuh Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Anjuran acara tersebut adalah julung kali diadakan oleh kelab-kelab berkenaan, dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan sempena Hari Sukan Negara peringkat WP Labuan Sabah Malaysia 2023.

Sebelum balik ke NBD ke dua-dua kelab berbasikal mengadakan sesi bergambar ramai di hadapan BETA Apartment tempat kediaman selama berada di WP Labuan.



AHLI Kumpulan Kelab Nice Cycling Team yang diketuai oleh Awang Haji Aminudin bin Haji Abd. Karim dan Negalang Cycling Team Temburong yang diketuai oleh Awang Haji Lamat bin Haji Lakim menyertai kayuhan Fun Ride Tour De Labuan 2023.

Antara tujuan penganjur mengadakan acara tersebut ialah sebagai usaha yang berkebajikan bagi mengekalkan budaya berbasikal dengan mengekalkan gaya hidup sihat, di samping untuk mengeratkan silaturahim di antara penggemar berbasikal kepulauan Borneo termasuk Semenanjung Malaysia.